



*Siaran*  
**AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 – ( ) 01/05

**HARI MULA TUGAS MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA,  
YANG BERHORMAT TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU**

**Kuala Lumpur - Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu** hari ini secara rasminya memulakan tugas sebagai Menteri Pertahanan Malaysia yang baharu. Terlebih dahulu, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah mengambil tabik hormat dan menerima Kawalan Kehormatan Utama pada pagi ini bertempat di Dataran Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur.

Kawalan Kehormatan Utama (KKU) yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) daripada Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mejar Juniusabdiah Shah Putra bin Janny diberikan kepada YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu bersempena hari pertama beliau berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Menteri Pertahanan.

Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pelantikan YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu sebagai Menteri Pertahanan dan Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Menteri Kabinet Persekutuan 2018 sebagai Menteri Pertahanan Malaysia telah selesai disempurnakan pada 21 Mei 2018.

Turut Hadir pada majlis hari ini ialah Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan Tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

-Tamat-